

**MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN**  
**BENGKEL PENSIJILAN & PROFIL PERSONALITI TAJMA**

Teks Ucapan

BRIG. JENERAL DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN

Naib Canselor

Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

pada 30 Mei 2013 (Khamis)

---

Bismillahirahmanirahim dan Salam Sedekad Gemilang, UniMAP dihati,

Yang berusaha pengacara majlis,

Yang di hormati Profesor Datuk Dr. Mohd Tajudin Ninggal, Profesor Psikologi Kaunseling UTM, Mantan TNC (HEPA) UTM dan juga Pengasas TAJMA Web-Based Psychological Testing & Assessment Profiling System.

Yang Berusaha Prof. Dr. Rosnah Ismail , Pengarah Pusat Kaunseling, merangkap Pengurus Bengkel Pensijilan Profil Personaliti TAJMA

Yang Berusaha, Dato' Profesor Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa,

Prof. Madya Dr.Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar & Alumni

Dekan-dekan, Ketua – ketua Jabatan

Ahli jawatankuasa program,

Peserta-peserta dari jabatan dan agensi sekitar negeri Perlis dan Kedah, Peserta dari UniMAP

Seterusnya hadirin hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum w.b.r.t, Salam Sejahtera, dan Salam 1Malaysia.

### **PEMBUKA KATA**

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, maka saya dapat bersama-sama dengan tuan-tuan dan puan-puan di sini pada petang yang hening dan damai ini.

Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat datang ke Perlis khususnya ke UniMAP kepada Professor Datuk Dr. Mohd Tajudin Ninggal dan sekalung penghargaan serta jutaan terima kasih di atas kesudian beliau untuk berkongsi ilmu dan kepakaran beliau bersama-sama kita sepanjang satu hari ini.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada para peserta kursus dari jabatan dan agensi sekitar Negeri Perlis dan Kedah, iaitu daripada Universiti Teknologi Mara Arau, Universiti Utara Malaysia, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Kolej Komuniti Arau, serta peserta dari UniMAP kerana sudi meluangkan masa untuk menyertai program yang amat bermanfaat dan dapat meningkatkan pengetahuan kita semua.

Di kesempatan ini juga, saya ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada ahli jawatankuasa program di atas kesungguhan dan usaha mereka dalam memastikan kelancaran program sepanjang hari ini.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya hormati sekalian,  
Slah satu aspek penting dalam ilmu Psikologi, selain memahami tingkahlaku manusia adalah melalui ujian psikologi. Ujian Psikologi merupakan satu bentuk pengukuran atau instrumen yang dapat memberikan maklumat secara saintifik tentang personality manusia. Ujian psikologi ini amat penting bukan sahaja untuk kegunaan para kaunselor atau pegawai psikologi, malahan kepada pendidik, penyelidik, pegawai sumber manusia dan juga kepada para pelajar. Penggunaan alat ujian psikologi ini memerlukan kemahiran dan latihan daripada pakar yang diiktiraf supaya dapat mengendalikannya dengan berkesan. Untuk makluman hadirin semua, alat ujian Personaliti TAJMA ini telah dibangunkan khas oleh Y.Bhg Datuk Dr. Mohd Tajudin Ninggal.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Y.Bhg Datuk diatas usaha murni membangunkan satu alat ukur psikologi yang dapat memberikan maklumat saintifik yang mengukur sehingga 12 trait personaliti seperti Asertif, Keterbukaan, analitikal, kepimpinan dan lain-lain sebagaimana yang telah di pelajari oleh tuan-tuan dan puan-puan sepanjang bengkel pada hari ini. Difahamkan juga bengkel pada hari ini merupakan bengkel pensijilan dimana para peserta akan menerima sijil pengiktirafan bagi mengendalikan ujian psikologi Profil Personaliti TAJMA secara professional.

Para hadirin yang dihormati sekalian.

Perkembangan pesat dalam arena pendidikan dan kerjaya di Negara kita pada hari ini telah menjadikan persaingan yang sengit dalam merebut tempat di IPT dan juga untuk mengisi jawatan dalam pelbagai sektor pekerjaan. Justeru, dalam hal ini, penggunaan alat pengujian psikologi amat penting bagi menentukan hala tuju atau pilihan kerjaya dalam apa sahaja bidang yang bersesuaian dengan minat dan personaliti seseorang. Di sekolah misalnya, para guru boleh menggunakan ujian psikologi bagi mengenalpasti minat dan kecenderungan para pelajar dalam sesuatu bidang. Melalui kaedah ini, para pelajar dapat membuat pilihan yang lebih tepat dalam bidang pengkhususan tertentu misalnya bidang Sains Tulen, Sains Teknikal, Sains Sosial dan sebagainya yang bersesuaian dengan diri mereka malah ketika membuat pilihan bidang pengajian di IPT. Begitu juga dalam sektor pekerjaan. Para majikan juga boleh memanfaatkan ujian psikologi

dalam pemilihan pekerja. Disamping itu, alat ujian psikologi ini juga sangat sesuai digunakan oleh para kaunselor IPT sebagai salah satu alat ukur psikologi untuk lebih memahami setiap personality diri pelajar dan pekerja. Justeru, dapat merangka program-program pembangunan diri serta motivasi dengan lebih fokus dan berkesan. Malahan, para majikan juga boleh membantu pekerja dengan penggunaan ujian psikologi seperti ujian stress dan sebagainya. Selain itu, ujian psikologi juga turut digunakan oleh psikiatris dan ahli psikologi khususnya psikologi klinikal bagi proses membuat diagnosis tertentu. Oleh itu kita dapat melihat betapa pentingnya penggunaan alat pengujian psikologi. Justeru, para peserta yang hadir pada hari ini amat bertuah kerana berpeluang meningkatkan kemahiran khususnya dalam mengendalikan ujian psikologi dengan lebih berkesan dan sistematik. Diharapkan ilmu yang diperolehi pada hari ini akan dapat dipraktikkan dengan sebaik mungkin.

#### Hadirin yang di kasihi sekelian

Sebelum saya mengakhiri ucapan saya ini, sekali lagi saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua peserta yang hadir, penceramah jemputan Professor Datuk Dr. Mohd Tajudin Ninggal, serta pihak urusetia dari Pusat Kaunseling yang bertungkus lumus menjayakan bengkel ini. Diharapkan agar bengkel yang bermanfaat sebegini akan dapat dianjurkan lagi pada masa hadapan.

Dengan kata-kata itu dan dengan lafaz Bismillah hirrahman nirrahim, saya dengan ini menutup Bengkel Pensijilan & Profil Personaliti TAJMA dengan rasminya. Saya Sudahi dengan wabillahi taufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.